

**JABATAN KORPORAT**

**TARIKH: 13.01.2025 MASA: 05.30PM**

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

**TEKS UCAPAN**  
**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN**  
**ABDUL HAMID**  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

**SEMPENA**  
**BENGGEL AI GENERATIF: TRANSFORMASI GAYA**  
**KERJA UNTUK PRODUKTIVITI SESI 1**

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**15 JANUARI 2025 (RABU)**  
**8.30 PAGI**

**UITM CAWANGAN PULAU PINANG**  
**KAMPUS PERMATANG PAUH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera serta Salam MADANI,

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita berkumpul pada pagi ini dalam **Bengkel AI Generatif: Transformasi Gaya Kerja Untuk Produktiviti Sesi 1**.
2. Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pulau Pinang kerana sudi bekerjasama dengan MBSP bagi menganjurkan bengkel yang sangat bermanfaat ini.
3. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Yang Berusaha Ts. Dr. Suhailah Mohamed Noor, pensyarah kanan Fakulti Kejuruteraan Awam, UiTM Cawangan Pulau Pinang atas kesudian beliau berkongsi ilmu dan pengalaman yang amat berharga dalam bengkel ini serta kepada semua hadirin yang turut hadir bagi menjayakan program ini pada hari ini.
4. Kita sedang berada di ambang revolusi teknologi yang luar biasa, di mana **Kecerdasan Buatan Generatif (AI Generatif)** menjadi pemacu perubahan dalam pelbagai aspek kehidupan. Keupayaan teknologi ini untuk menghasilkan kandungan, mengautomasi tugas yang kompleks, serta mempertingkatkan mutu pengambilan keputusan menjadikannya aset strategik yang amat bernilai. Ia bukan sahaja meningkatkan

produktiviti, malah membuka peluang tanpa batas untuk kreativiti dan inovasi.

5. Bengkel ini diadakan pada saat yang amat tepat, terutamanya dalam konteks kita yang sedang giat melaksanakan transformasi digital demi merealisasikan visi Pulau Pinang sebagai negeri pintar dan progresif. Saya percaya, penerokaan mendalam terhadap AI generatif akan memberi manfaat besar kepada perkhidmatan awam dan pembangunan masyarakat secara keseluruhannya.
6. Bengkel ini, yang akan berlangsung selama dua (2) hari, bermula dari 15 hingga 16 Januari 2025, melibatkan penyertaan seramai 95 peserta secara keseluruhan. Pada hari pertama, seramai 48 peserta akan menyertai bengkel ini yang terdiri daripada Yang Berusaha Setiausaha Bandaraya, Ketua Jabatan, dan Pegawai Kanan, termasuk saya sendiri. Sementara itu, pada hari kedua, ia akan melibatkan 47 peserta daripada kalangan Pegawai Pengurusan dan Profesional. Saya yakin bahawa bengkel ini mampu memberikan impak yang signifikan dalam mentransformasi gaya kerja kita ke arah yang lebih progresif dan berdaya saing.
7. Sebagai negeri yang terkenal dengan daya inovasi dan budaya kerja yang kompetitif, Pulau Pinang mempunyai potensi luar biasa untuk menjadi pelopor dalam penggunaan teknologi AI. Inisiatif seperti bengkel ini bukan sahaja membantu meningkatkan kefahaman tentang AI generatif tetapi juga:

- (a) memacu transformasi digital di sektor awam dan swasta;
  - (b) mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai hab teknologi di peringkat nasional dan antarabangsa; dan
  - (c) menyokong pembangunan modal insan yang mahir dalam teknologi masa hadapan.
8. Saya yakin bahawa bengkel ini merupakan platform yang amat ideal untuk kita semua meneroka potensi integrasi AI generatif dalam amalan kerja seharian. Sehubungan itu, saya ingin menggalakkan setiap peserta untuk:
- (a) Mendalami peluang serta memahami cabaran yang datang seiring dengan kemajuan teknologi ini;
  - (b) Berkongsi pengalaman, pandangan, dan idea secara aktif idea antara satu sama lain; dan
  - (c) Mengambil langkah yang strategik dan proaktif dalam mengadaptasi teknologi AI sebagai pemangkin kepada peningkatan produktiviti organisasi masing-masing.
9. Saya amat berharap agar bengkel ini dapat berperanan sebagai pemangkin kepada perubahan yang positif dalam pendekatan kerja kita, sekali gus menyumbang kepada pembangunan Seberang Perai yang lebih maju, lestari, dan berdaya saing sebagai sebuah negeri pintar.
10. Dengan penuh penghargaan, saya mengucapkan selamat mengikuti bengkel kepada semua peserta. Semoga segala ilmu dan kemahiran

yang diperoleh sepanjang bengkel ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya demi kebaikan organisasi, komuniti dan masyarakat secara keseluruhan.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***